



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**12 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**KOSMO**

- |   |    |
|---|----|
| - Kerajaan Akan Bina Lebih Banyak Projek Pintar | 15 |
|---|----|

**Sinar Harian**

- |                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| - Restoran Terkenal di Klang diroboh | 30 |
|--------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**12 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)**

|              |   |
|--------------|---|
| Akhbar       | KOSMO   |
| Tajuk Berita | Kerajaan Akan Bina Lebih Banyak Projek Pintar |
| Muka Surat   | 15  |

## Kerajaan akan bina lebih banyak projek bandar pintar

rosmo 12/9/19 ms 15

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan membangunkan lebih banyak projek perumahan bandar pintar di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur dan bandar lain setanding dengan bandar pintar di negara maju, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Bandar pintar merupakan bandar yang dilengkapi teknologi maklumat dan komunikasi bagi menaik taraf kualiti dan prestasi perkhidmatan di bandar seperti tenaga, pengangkutan dan utiliti untuk mengurangkan penggunaan sumber, pembaziran serta kos keseluruhan.

"Bagi tempoh lima tahun akan datang, kita seharusnya dapat mencapai sekurang-kurangnya

70 ke 75 peratus (indeks bandar pintar) berbanding 52.83 peratus pada masa ini," katanya kepada pemberita selepas program Smart Cities Asia 2019 dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Motion Index IESE Cities menyaksikan London berada pada kedudukan teratas sebagai bandar paling pintar dunia dengan skor 100 peratus, diikuti New York di tempat kedua (94.63 peratus), manakala Kuala Lumpur menduduki tempat ke-100 dengan 52.83 peratus.

Indeks itu dikeluarkan IESE Business School, University of Navarra, Sepanyol untuk memberi penilaian terhadap bandar yang berkaitan sembilan dimensi utama, antaranya modal insan, kesepaduan sosial, ekonomi dan tadbir urus.

Zuraida berkata, London



ZURAIDA (kiri) melawat pameran selepas program Smart Cities Asia 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

misalnya, merupakan bandar raya maju dan sehubungan itu pencapaiannya sebagai bandar maju adalah lebih hebat.

"Kita juga sedang menuju ke

arah itu. Kita mahu menjadi lebih digital menggunakan lebih banyak lampu diod pemancar cahaya (LED), pengurusan data, meningkatkan kelajuan Wi-Fi

dan mengurangkan trafik," ujar Zuraida.

Sementara itu, ditanya mengenai peruntukan kepada kerajaan berkenaan bagi belanjawan akan datang, Zuraida berkata, perkara itu belum dimuktamadkan.

Terdahulu, pada majlis sama, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dalam satu kenyataan berkata, kerajaan akan melancarkan Majlis Bandar Pintar di bawah Rangka Kerja Pembangunan Bandar Pintar Malaysia 2018-2025 menjelang akhir tahun ini.

Rangka kerja itu mengadakan syor atau cadangan kepada 18 ketua menteri dan menteri besar ke arah mewujudkan bandar pintar yang sesuai di-diami, boleh kerja dan mampan. - Bernama



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
12 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

|              |                                    |
|--------------|------------------------------------|
| Akhbar       | Sinar Harian                       |
| Tajuk Berita | Restoran Terkenal di Klang diroboh |
| Muka Surat   | 30                                 |

# Restoran terkenal di Klang diroboh

SINAR HARIAN 12/9/19 M 30

FOTO: HSAN PTD KLANG

Selepas hampir  
20 tahun  
beroperasi di  
atas tanah milik  
kerajaan

NUR FARHANA ABDUL  
MANAN

KLANG

**S**ebuah restoran terkenal berhampiran Bulatan Bukit Raja di sini dirobohkan malam kelmarin selepas hampir 20 tahun beroperasi di tapak berkenaan.

Tindakan perobohan struktur bangunan restoran dilaksanakan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

Klang dibantu anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara dan kakitangan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

PTD Klang menerusi satu kenyataan berkata, operasi bermula jam 8.30 malam hingga 1 pagi itu turut disertai anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon Klang, Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Menurutnya, tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 berikutan berlaku pencerobohan tanah kerajaan melibatkan sebahagian rizab kawasan lapang dan Lebuhraya



Restoran terkenal berhampiran Bulatan Bukit Raja yang dirobohkan dalam satu operasi kelmarin.

Persekutuan.

"Tindakan itu selaras dengan perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 19 Julai lalu yang memutuskan pihak plaintif perlu merobohkan struktur bangunan di atas

tapak berkenaan dalam tempoh satu bulan atau perlu menanggung kos perobohan tersebut.

"Pentadbir Tanah Klang telah mengeluarkan satu notis peringatan pada 26 Ogos lalu dan

memberi tempoh tujuh hari kepada pemilik mengosongkan tapak. Akibat kegagalan dan keengganan pemilik mematuhi notis dikeluarkan, tindakan penguatkuasaan dijalankan semalam (kelmarin)," katanya.

Menurut kenyataan itu, keadaan terkawal ketika kerja perobohan dijalankan dan cubaan untuk menghalang operasi berjaya dilaraikan dengan aman oleh pihak polis.